

Malam Jalinan Budi & Pelancaran Produk Terbaru D'Navechee

Buat julung kalinya, D'Navechee Beauty (M) Sdn Bhd mengadakan majlis makan malam bagi menghargai peranan dan hubungan yang terjalin antara syarikat tersebut dengan pihak media di Hotel Istana. Sebagai tanda penghargaan, D'Navechee turut menyampaikan plak penghargaan kepada pihak media yang banyak menyumbang jasa dalam memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai produk keluaran D'Navechee. Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan merangkap Exco Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, YB. Dato' Hajah Azizah Datuk S.P Hj. Mohd Dun. Dalam masa sama D'Navechee turut mengambil peluang melancarkan produk terbarunya antaranya Lasindah Cafe. Selain itu, tetamu yang hadir turut dihiburkan dengan persembahan hebat daripada Jamal Abdilllah dan Jay Jay.



Program Sedia Mula Masak Temui Penonton Pada 29 Oktober

Rancangan Sedia Mula Memasak ini merupakan adaptasi daripada rancangan Ready Steady To Cook yang disiarkan stesen BBC sejak tahun 1994. Rancangan yang berkonsepkan realiti TV ini bakal mencabar kebolehan dan pengetahuan serta daya kreativiti para chef selebriti tanah air. Para chef akan diberi masa 20 minit untuk berfikir dan menyediakan makanan menggunakan bahan asas dan bahan lain antaranya ikan, pasta, dan udang menggunakan bajet yang diperuntukkan. Bahan tersebut akan dibeli oleh peserta yang bertindak membantu chef selebriti ini. Selepas tempoh 20 minit, mereka akan diadili setiap penonton di studio. Rancangan yang dihoskan oleh Louisa Ghong ini menampilkan barisan chef selebriti antaranya Chef Ismail, Sobri, Chef Azrah, Chef Florence Tan, Mavin Fong dan Norazilina yang mempunyai pengalaman luas. Rancangan ini bakal menemui penonton pada 29 Oktober di TV2 setiap Ahad jam 4.30 petang hingga 5.00 petang.



Antara gelagat artis dan chef yang terlibat